

**SIARAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA**

**PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN ATAS TALIAN CELCOM MENDUKUNG
ASPIRASI TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)**

KUALA LUMPUR, 12 JANUARI 2018 – Celcom Axiata Berhad terus komited dalam membawa mesej kesedaran tentang keselamatan atas talian di kalangan semua rakyat Malaysia, sejajar dengan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Melalui program '*Parents Unite for Online Safety*' sebanyak 175 'Pusat Internet 1Malaysia' (PI1M) di seluruh negara akan dilengkapi dengan *KidSafe™*, iaitu aplikasi penapisan internet.

TN50 merupakan inisiatif yang diterajui oleh Kementerian Belia dan Sukan, bagi menyediakan platform untuk belia Malaysia berkongsi aspirasi mereka menuju 2050. Selaras dengan salah satu trend utama TN50 iaitu Teknologi dan Keterhubungan, usaha Celcom dalam menyokong aspirasi ini mendapat pujian daripada Yang Berhormat Brigadier General Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan, sewaktu beliau merasmikan fasa baru inisiatif tersebut di Menara Celcom hari ini.



Michael Kuehner, Ketua Pegawai Eksekutif, Celcom Axiata Berhad berkata, sebagai peneraju perkhidmatan telekomunikasi, Celcom turut menyedari kadar kes berkaitan siber, yang kini semakin meningkat, dan dengan berbesar hati menyokong inisiatif ini sebagai Tanggungjawab Korporat Syarikat.

“Kami amat berbesar hati dengan pengiktirafan yang diberikan oleh YB Khairy. Masa depan bermula hari ini, dan dengan itu kami akan terus berusaha dalam perjuangan kami bagi persekitaran digital yang lebih selamat,” kata beliau.



Untuk menyebarkan mesej tersebut dengan lebih luas, Celcom turut bekerjasama dengan rakan-rakan programnya iaitu, *Brainy Bunch International Islamic Montessori*, badan bukan kerajaan *Protect and Save the Children*, serta *Malaysians Against Pornography* kempen yang dijalankan oleh Kumpulan Wanita IKRAM. Kolaborasi ini akan memberikan platform yang lebih menyeluruh dalam mendidik ibu bapa dan belia berkenaan keselamatan atas talian.

Maklumat lanjut mengenai *KidSafe™* boleh didapati di

<https://beta.celcom.com.my/personal/extras/security/kidsafe>

-Tamat-

Mengenai Celcom Axiata Berhad

Celcom merupakan penyedia rangkaian data terkemuka di Malaysia dengan 9.7 juta pelanggan. Ditubuhkan pada 1988, syarikat berbangga dengan rangkaian nasional terluas 2G, 3G dan 4G LTE yang meliputi lebih 98% kawasan berpenduduk. Sebagai penyedia perkhidmatan jalur lebar mudah alih dan korporat terbesar pada masa ini, Celcom kini bergerak maju ke arah perkhidmatan pelbagai akses dan multimedia bersepadu, selari dengan teknologi dan perilaku pengguna di Malaysia yang berevolusi. Budaya yang mengutamakan pelanggan dapat dilihat pada khidmat pelanggan, produk dan pengiktirafan korporat lain di peringkat serantau. Celcom merupakan sebahagian daripada Syarikat Kumpulan Axiata, salah satu syarikat telekomunikasi terbesar di dunia, dengan lebih 320 juta pelanggan merentasi 10 pasaran Asia. Untuk maklumat lanjut, layari <http://www.celcom.com.my>.

Siaran Media diedarkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat Celcom Axiata berhad. Bagi sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Rohizan Ismail @ +60133449690 atau Azira Mazlan +60193148002/ azira.mazlan@celcom.com.my.